

Mahathir mahu pelajar UTAR meliputi semua kaum

UM 5 AUG 2001

KUALA LUMPUR 4 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu kemasukan pelajar ke Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) tidak hanya dimonopoli secara eksklusif oleh kaum Cina tetapi diperluaskan juga meliputi kaum-kaum lain.

Menurut Perdana Menteri, dalam hubungan ini, beliau berharap tidak ada pihak yang cuba meniru konsep universiti di negara lain yang mengutamakan kaum tertentu sahaja.

“Mungkin ada yang tidak berpuas hati dan mungkin juga ada kaum tertentu nak meniru apa yang ada di negara lain tetapi kita mesti ingat Malaysia adalah Malaysia.

“Kita tidak boleh tiru negara-negara lain yang ada cuma satu kaum sahaja. Kita perlu ambil kira kepentingan kaum-kaum lain dan dengan itu akan mewujudkan kestabilan politik,” katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-48 di Wisma MCA, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek.

Sebelum itu, Dr. Ling dalam ucapan alu-aluannya memberi jaminan bahawa UTAR akan menjadi universiti untuk semua rakyat tanpa mengira kaum.

Sambil melahirkan rasa gembira dengan pelawaan Kementerian Pendidikan supaya MCA mengemukakan cadangan penubuhan UTAR, beliau berkata, penubuhan UTAR merupakan peristiwa bersejarah yang dinanti-nantikan oleh MCA dan seluruh masyarakat Cina.

“MCA mengucapkan terima kasih dan merakamkan penghargaan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) dan Perdana Menteri,” katanya.

Menurut Dr. Ling, UTAR dijangka mula menawar-

kan kursus-kursus mengenai kejuruteraan, teknologi maklumat (IT), ekonomi dan pengurusan kerana MCA telah memperoleh pengalaman dan kepakaran menawarkan kursus tersebut dari Kolej Tunku Abdul Rahman (Kolej TAR).

Selain itu, UTAR merancang menawarkan program ijazah lain seperti ijazah perubatan dan bioteknologi.

“UTAR juga ingin menjadi sebuah universiti antarabangsa yang boleh menampung mahasiswa dari luar negara.

“Sungguhpun UTAR berhasrat menawarkan lebih banyak tempat, UTAR juga komited untuk mencapai taraf akademik yang tinggi,” katanya.

Dalam hubungan ini, UTAR juga akan melantik ahli-ahli akademik yang berwibawa di peringkat antarabangsa untuk mengisi jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran universiti.

Sementara itu, Dr. Mahathir ketika ditemui pada sidang akhbar selepas itu berkata, semua kaum mesti memperoleh kelayakan untuk memasuki UTAR.

“Mungkin ada yang tak layak atau tak ingin. Dalam soal ini, kita tak salahkan MCA kerana mereka buka universiti untuk semua kaum dan tidak mengenakan sebarang kuota pun,” katanya.

Bulan lalu, Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr. Ting Chew Peh berkata, penubuhan UTAR akan terlaksana dalam tempoh tiga tahun lagi selepas kertas cadangan penubuhannya diserahkan kepada Kementerian Pendidikan selewat-lewatnya akhir tahun ini.

Menurutnya, buat permulaan, universiti itu akan meminjam kampus induk Kolej TAR di sini bagi menampung pengambilan pertama pelajarinya sebelum lokasi UTAR diputuskan.